

Penjagaan kesihatan pergigian penting untuk mencegah kerosakan gigi dan penyakit gusi di kalangan kanak-kanak.

Kesihatan pergigian yang baik membolehkan mereka mengunyah makanan dengan selesa dan bertutur dengan jelas



Ibu berdiri atau duduk di belakang anak dan dongakkan kepalanya ke atas supaya semua permukaan gigi dapat dibersihkan.



Selia atau bantu anak anda memberus gigi sehingga mereka berumur 6 hingga 7 tahun.

Bilakah anak anda sepatutnya mula memberus gigi ?

Ibu bapa dinasihatkan memberus gigi anak mereka sebaik sahaja gigi tumbuh. Tanamkan tabiat penjagaan dari kecil lagi untuk mendapatkan kesihatan mulut yang baik.

Bersih gigi setiap hari terutama selepas makan dan sebelum tidur malam.

- Di peringkat awal, ibu-ibu boleh gunakan tuala lembab atau basah untuk membersihkan mulut dan gusi bayi selepas setiap kali penyusuan.
- Apabila anak telah mempunyai beberapa batang gigi, ibu bolehlah mula menggunakan berus gigi.



Guna ubat gigi berfluorida untuk kanak-kanak semasa memberus gigi. Picitkan ubat gigi sebesar biji kacang soya (5mm) sahaja untuk anak yang berumur 2 tahun ke atas.